

28/07/1997

Sabah, Sarawak belum sedia buka pintu

ALOR STAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Sabah dan Sarawak masih belum bersedia menerima kemasukan golongan profesional dari Semenanjung berkenaan kerana bimbang peluang kerja di kalangan penduduk tempatan tergugat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau sudah membincangkan perkara itu dengan pemimpin kedua-dua kerajaan negeri itu dan mereka menyuarakan kebimbangan itu.

Katanya, Sabah dan Sarawak bimbang peluang kerja dalam bidang profesional seperti perundangan yang akan tergugat jika peguam dari Semenanjung dibenarkan mengendalikan kes di negeri itu.

"Mereka masih berpendapat mereka belum sampai ke tahap mereka boleh membuka pintu Sabah Sarawak untuk orang profesional dari Semenanjung.

"Dia (Kerajaan Sabah dan Sarawak) berasa terancam peguam tidak dapat peluang (mengendalikan kes)," katanya selepas melawat abang dan kakaknya, Mashahor Mohamad Iskandar, 73, dan Habsah, 76, yang dirawat di Hospital Pusat Pakar Utara (PPU), di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Ahli Parlimen Jelutong, Karpal Singh yang dilaporkan meminta Dr Mahathir campur tangan dalam isu peguam dari Semenanjung yang mengendalikan kes di kedua-dua negeri itu disyaratkan mendapatkan permit kerja dan kemasukan ad hoc.

Karpal dilaporkan berkata, masanya sudah tiba untuk kerajaan mengatasi masalah berkenaan selepas Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia, 34 tahun lalu.

Karpal meminta Artikel 161B dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan halangan kepada penduduk bukan Sabah dan Sarawak untuk mengendalikan kes di mahkamah kedua-dua negeri terbabit, dihapuskan.

Selain itu, Karpal juga meminta kerajaan mengkaji semula Akta Imigresen yang mensyaratkan penduduk, terutama peguam dari Semenanjung mendapatkan permit kerja untuk mengendalikan kes di Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz, dilaporkan berkata, keengganan peguam Sabah dan Sarawak menyokong cadangan membenarkan peguam Semenanjung bebas berkhidmat tanpa sekatan disifatkan sebagai mendukacitakan dan mementingkan diri.

(END)